



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.
1 TAHUN 1992**

**CUTI TANPA GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGIKUTI
PASANGAN MEREKA BERTUGAS ATAU BERKURSUS
DI DALAM ATAU DI LUAR NEGERI**

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk mengumumkan keputusan Kerajaan memberikan kemudahan cuti tanpa gaji kepada pegawai yang mengikuti suami/isteri (selepas ini disebut 'pasangan') mereka yang berkhidmat atau berkursus, sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

2. TAKRIF

2.1 Bagi maksud Pekeliling ini:

- (i) "Berkhidmat" bermakna bertukar atau menyandang sesuatu jawatan bagi tempoh melebihi 6 bulan;
- (ii) "Berkursus" bermakna menjalani kursus atau latihan yang diluluskan

oleh Ketua Jabatan kepada pasangan pegawai yang tempohnya melebihi 6 bulan;

- (iii) "Kerajaan" bermakna Kementerian/Jabatan (Persekutuan dan Negeri), Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Kuasa Tempatan;
- (iv) "Ketua Jabatan" termasuklah Ketua Perkhidmatan, Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Eksekutif Badan Berkanun, Ketua Kuasa Tempatan, Ketua Eksekutif Perbadanan Awam atau Ketua Eksekutif Syarikat Swasta tempat pegawai atau pasangan pegawai berkhidmat;
- (v) "Perbadanan Awam" bermakna perbadanan atau syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung atau Kerajaan memiliki sekurang-kurangnya 51% daripada ekuitinya;
- (vi) "Syarikat Swasta" bermakna syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh pihak swasta atau syarikat yang Kerajaan tidak mempunyai kepentingan secara langsung atau hakmilik ekuitinya kurang dari 51% serta didaftarkan di Malaysia.

3 KELAYAKAN PEMOHON

3.1 Semua pegawai tetap dalam perkhidmatan Kerajaan yang ingin mengikuti pasangan mereka berkhidmat atau berkursus di dalam atau di luar

negeri layak dipertimbangkan cuti tanpa gaji dengan syarat pasangan mereka:

- (i) telah dilantik berkhidmat oleh pihak berkuasa melantik atau diluluskan bertukar/berkursus oleh Ketua Jabatannya;
- (ii) jika tempat berkhidmat atau berkursus itu di dalam negeri, jaraknya dari tempat bertugas biasa atau tempat bertugas sebelum berlakunya pertukaran itu:
 - (a) hendaklah tidak kurang dari 200 km dan berada di negeri yang lain di Semenanjung Malaysia; atau
 -)
 - (b) tidak kurang dari 100 km jika tempat kursus/tempat bertugas itu di dalam negeri Sabah atau Sarawak;
 -)
- (iii) terdiri daripada pegawai Kerajaan, perbadanan awam atau syarikat swasta. Jika pasangan mereka bukan pegawai mana-mana agensi yang tersebut itu, ia (pasangan pegawai) hendaklah telah dianugerahkan bantuan kewangan oleh Kerajaan untuk berkursus di dalam atau di luar negeri. Jika tempat kursus itu di dalam negeri, mereka perlu memenuhi syarat seperti di perenggan (ii) (a) atau (ii) (b) di atas.

4. **TEMPOH**

4.1 Tempoh maksimum cuti tanpa gaji yang boleh diluluskan terhadap kepada 3 tahun sahaja atau selama tempoh berkhidmat/kursus pasangan pegawai, mengikut mana yang lebih pendek. Ia boleh diambil secara terus-menerus selama 3 tahun atau secara berperingkat-peringkat (intermittent) sehingga mencapai had maksimum 3 tahun. Cuti tanpa gaji yang berikutnya hanya boleh dipohon 3 tahun selepas tarikh cuti tanpa gaji sebelumnya (yang cukup 3 tahun) tamat. Jika pasangan pegawai terdiri daripada pegawai Kerajaan dan mereka dikehendaki bertugas atau berkursus di luar negeri bagi tempoh melebihi 3 tahun, Ketua Jabatan boleh menimbangkan cuti tanpa gaji kepada pegawai yang melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan itu.

4.2 Pegawai dikehendaki melaporkan diri bertugas di jabatan/agensi masing-masing sebaik-baik sahaja cuti tanpa gaji yang diluluskan itu tamat.

4.3 Jika cuti tanpa gaji yang diluluskan itu lebih dari setahun dan tugas jawatan yang dikosongkan oleh pegawai perlu dilaksanakan terus, Ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya diwujudkan jawatan tambahsentara selama tempoh yang diperlukan.

5. FAEDAH PENCEN

5.1 Tempoh cuti tanpa gaji yang diluluskan mengikut peruntukan Pekeliling ini tidak akan diambil kira untuk faedah pencen. Walau bagaimanapun tempoh perkhidmatan sebelum dan selepas cuti berkenaan adalah dianggap bersambung dan bolehlah diagregatkan untuk tujuan pencen.

6. KEKANANAN DAN KENAIKAN PANGKAT

6.1 Pegawai akan hilang kekananan selama tempoh ia bercuti tanpa gaji di bawah Pekeliling ini. Namun demikian ia tetap layak dipertimbangkan kenaikan pangkat jika ia telah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan jawatannya sebelum cuti tanpa gajinya bermula. Kenaikan pangkat itu hanya akan dikuatkuasakan sebelum atau selepas cuti tanpa gaji tersebut.

7. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7.1 Pegawai yang telah diluluskan cuti tanpa gaji di bawah Pekeliling ini tidak layak mendapat sebarang pergerakan gaji. Walau bagaimanapun tarikh pergerakan gaji tahunan pegawai tidak berubah.

8. PEGAWAI DALAM PERCUBAAN

8.1 Pegawai yang belum disahkan dalam jawatan semasa cuti tanpa

gajinya berkuatkuasa, tempoh percubaannya akan dibekukan. Baki tempoh percubaan itu akan disambung semula apabila ia kembali bertugas.

9. IKATAN PERJANJIAN

9.1 Jika pegawai masih ada ikatan untuk berkhidmat dengan Kerajaan, ikatan itu akan digantung selama tempoh cuti tanpa gajinya berkuatkuasa. Ia dikehendaki menyempurnakan ikatan itu setelah kembali dari bercuti.

10. KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN

10.1 Semua permohonan cuti tanpa gaji mengikut peruntukan Pekeliling ini boleh dipertimbang dan diputuskan oleh Ketua Jabatan pegawai. Semasa menimbang permohonan, setiap Ketua Jabatan perlu memberi keutamaan kepada kepentingan perkhidmatan dan organisasi mereka. Jika Ketua Jabatan bercadang meluluskan permohonan cuti pegawai, langkah yang sesuai perlu diambil supaya tugas jawatan pegawai tidak terjejas oleh ketiadaannya. Cuti yang telah diluluskan kepada pegawai boleh ditamatkan pada bila-bila masa jua pun jika perkhidmatan mereka diperlukan.

11. TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

11.1 Pekeliling ini dikuatkuasakan mulai tarikh ianya dikeluarkan dan pemakaiannya dipanjangkan juga kepada semua Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Kuasa Tempatan.

12. PEMBATALAN

12.1 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1986](#) dibatalkan mulai tarikh kuatkuasa Pekeliling ini. Semua permohonan yang telah diluluskan sebelum tarikh Pekeliling ini dikuatkuasakan, akan terus tertakluk kepada syarat dan peraturan yang terdapat dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1986](#).

Jika ada pekeling, peraturan atau arahan lain yang merujuk kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1986](#), ia hendaklah diertikan sebagai merujuk kepada Pekeliling ini.



TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

21 Januari 1992.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.